Pembangunan Kewangan Islam

99 Perbankan Islam
103 Takaful
104 Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan
106 Pembangunan Bakat
109 Saling Hubungan Serantau dan Antarabangsa

Pembangunan Kewangan Islam

PERBANKAN ISLAM

Prestasi sektor perbankan Islam

Produk-produk kewangan berlandaskan Syariah yang ditawarkan oleh industri perbankan Islam (termasuk institusi kewangan pembangunan) terus menyokong pelbagai keperluan ekonomi pada tahun 2017. Pembiayaan Islam meningkat 9.4% kepada RM605.5 bilion (2016: 11.8%) pada tahun 2017 (Rajah 4.1), di tengah-tengah pertumbuhan pinjaman konvensional yang sederhana sebanyak 1.3% (2016: 2.4%).


Pembiayaan Islam untuk perniagaan terus positif dan meningkat 7.8% (2016: 12.2%). Ini disalurkan terutamanya kepada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan serta perkilangan. Pembiayaan perniagaan yang dipacu oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) meningkat 12.5% (2016: 13.3%) di tengah-tengah pertumbuhan pinjaman konvensional kepada perusahaan ini yang lebih rendah (3.1%). Pembiayaan pembelian rumah secara Islam juga meningkat dengan kukuh sebanyak 17.5% (2016: 16.3%, pinjaman konvensional: 6.0%), mencerminkan peningkatan dalam penerimaan terhadap produk pembiayaan pembelian rumah berlandaskan Syariah.

Pada tahun 2017, deposit Islam dan akaun pelaburan berkembang 11.7% (2016: 9.4%) kepada RM672.6 bilion. Daripada jumlah ini, akaun pelaburan meningkat 6.9% kepada RM78.7 bilion. Ini mencerminkan akaun pelaburan yang semakin menjadi pilihan pelanggan sebagai instrumen pelaburan alternatif dan pempelbagaian sumber pendanaan bank-bank Islam.

Kedudukan kewangan bank-bank Islam kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1, nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal industri perbankan Islam masing-masing mencatat peratusan pada 13.2%, 13.7% dan 17.6% (2016: 13.0%, 13.0% dan 16.6%), jauh melebihi tahap keperluan pengawalseliaan minimum. Kualiti aset terus teguh

Rajah 4.1: Pertumbuhan Pembiayaan Islam

Pertumbuhan pembiayaan Islam yang positif dipacu oleh sektor isi rumah



Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan nisbah pembiayaan terjejas bersih pada 0.9% (2016: 1.0%). Penampan mudah tunai juga kekal mencukupi dengan nisbah perlindungan mudah tunai pada 149.2% (2016: 124.9%).

Pada tahun 2017, bank-bank Islam mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.7 bilion (2016: RM5.6 bilion). Pencapaian ini didorong terutamanya oleh peningkatan pendapatan pembiayaan bersih daripada pembiayaan bertempoh untuk pembelian harta tanah. Pulangan atas aset dan ekuiti kekal stabil, masing-masing pada 1.1% dan 14.3% (2016: 1.0% dan 13.1%).

Pembangunan sektor perbankan Islam

Mewujudkan impak kepada masyarakat dan ekonomi melalui pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation, VBI)

Industri perbankan Islam di Malaysia telah mencapai kemajuan yang ketara sejak beberapa tahun yang lalu. Bermula daripada bahagian pasaran sebanyak 5.3% pada tahun 2000, pembiayaan Islam kini mencakupi 34.9% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan. Bank-bank Islam juga menawarkan rangkaian produk yang kompetitif dan inovatif, sekali gus menjadi pelengkap produk kewangan yang ditawarkan oleh bank-bank konvensional.

Sasaran VBI adalah untuk mencapai matlamat Syariah yang dikehendaki dalam menggalakkan kebaikan dan mencegah kemudaratan

Meskipun kedalaman dan keluasan kewangan Islam yang lebih nyata merupakan pengukur penting kemajuan, namun, sama pentingnya adalah untuk memastikan kewangan Islam memberikan impak yang positif dan berterusan kepada masyarakat, ekonomi dan alam sekitar. Visi ini sedang direalisasikan melalui amalan VBI oleh bank-bank Islam, seterusnya memperkukuh matlamat Syariah untuk menggalakkan kebaikan dan mencegah kemudaratan (Gambar Rajah 4.1).

VBI sedang dimajukan untuk mencetuskan transformasi pada model perniagaan dan amalan harian bank-bank Islam. Perkara ini terkandung dalam kertas strategi yang dirumuskan hasil kerjasama dengan pihak industri dan kemudiannya diterbitkan oleh Bank pada bulan Julai 2017. Visi VBI adalah untuk menjadikan bank-bank Islam lebih didorong impak, dari segi reka bentuk dan penawaran produk, serta urusan mereka dengan pelanggan. Bidang penting yang diberikan tumpuan termasuklah mempertingkatkan penilaian terhadap permohonan pembiayaan oleh pelanggan, iaitu metodologi penilaian kredit yang sedia ada akan diperlengkap oleh penilaian impak positif pembiayaan tersebut terhadap komuniti dan ekonomi. Bagi pembiayaan perniagaan khususnya, penilaian sedemikian akan diasaskan pada suatu set pertimbangan yang lebih luas, termasuk potensi pembiayaan tersebut untuk menyumbang kepada pewujudan peluang pekerjaan dan keusahawanan yang berterusan.

Oleh itu, apa yang diharapkan ialah set minda didorong impak dapat diterapkan dan disepadukan dengan baik dalam amalan pengurusan risiko dan strategi

Gambar Rajah 4.1


Tinjauan Keseluruhan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-Based Intermediation, VBI)

Apa itu VBI?

Suatu fungsi pengantaraan yang disasarkan untuk mencapai matlamat Syariah melalui amalan, tingkah laku dan penawaran produk yang menghasilkan impak positif dan berterusan kepada ekonomi, masyarakat dan alam sekitar.

VBI mempunyai matlamat yang sama dengan pergerakan dan inisiatif lain dunia perniagaan dan kewangan untuk menghasilkan manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar kepada lebih banyak pihak berkepentingan.

Walau bagaimanapun, ciri berikut membezakan VBI:
1. Berteraskan Syariah;
2. Diterapkan dan disepadukan dengan model perniagaan, selaras dengan penciptaan nilai pemegang saham jangka panjang; dan
3. Dicerminkan dalam amalan dan tingkah laku harian, melangkau sifat dermawan dan sukarela warga kerja.



Sumber: Bank Negara Malaysia

pembangunan produk bank-bank Islam. Dengan menggunakan pendekatan yang lebih didorong pelanggan, bank-bank Islam dijangka lebih responsif kepada persekitaran pelanggan individu yang unik dengan menawarkan produk kewangan yang boleh memenuhi keperluan mereka yang berbeza-beza. Sebagai contoh, amalan melengkapkan pemberian pembiayaan dengan khidmat nasihat keupayaan kewangan dijangka dilaksanakan dengan lebih meluas dalam industri perbankan Islam pada masa hadapan. Bank-bank Islam, dengan kerjasama pakar-pakar industri lain yang berkaitan, juga dijangka menawarkan program latihan kemahiran perniagaan dan teknikal untuk membantu usahawan muda dan baharu mengkomersialkan idea mereka. Satu lagi pendekatan yang sedang dipertimbangkan ialah menghubungkan terus struktur insentif bank-bank Islam, bukan semata-mata dengan jumlah dan nilai pembiayaan yang dikeluarkan, tetapi juga dengan keupayaan pelanggan untuk membayar balik pembiayaan dalam tempoh yang panjang. Hal ini dijangka mendorong bank-bank Islam dan kakitangan mereka untuk lebih berpandangan jauh berhubung dengan kesejahteraan kewangan dan kejayaan usaha komersial pelanggan mereka.

Pelaksanaan VBI oleh bank-bank Islam adalah didorong industri, dengan mengambil kira tahap kesediaan dan keupayaan setiap bank Islam untuk memulakan dan meneruskan penerapan model perniagaan dan amalan dalaman baharu sejajar dengan VBI. Bagi menyokong perubahan yang dirintis oleh industri ini, Komuniti Pengamal (Community of Practitioners, CoP) yang terdiri daripada sembilan buah bank Islam telah ditubuhkan untuk menerajui pelaksanaan VBI. CoP berfungsi sebagai platform yang berkesan untuk ahli-ahlinya berkongsi pengetahuan dan meneruskan usaha secara kolektif bagi merumuskan dan melaksanakan strategi VBI dengan kerjasama rakan strategik dari luar industri kewangan.

CoP juga bermatlamat untuk memanfaatkan hubungannya dengan institusi-institusi berasaskan nilai yang telah mantap, seperti Global Alliance for Banking on Values dan Triodos Bank, untuk meningkatkan pemahaman dan amalan mengenai VBI dalam kalangan bank Islam di Malaysia. Pemerhatian terhadap model VBI yang berjaya telah menunjukkan beberapa ciri persamaan: strategi dan nilai yang didorong kepimpinan yang diselaraskan dengan matlamat pihak atasan, budaya keseluruhan organisasi yang konsisten dengan pelan dan operasi perniagaan, serta sistem yang menggalakkan interaksi yang membina dan tanggungjawab terhadap pihak-pihak berkepentingan yang lebih pelbagai.

Susulan inisiatif VBI memasuki fasa pelaksanaannya, tumpuan segera pada tahun 2018 adalah untuk membangunkan instrumen untuk membantu operasi dan pengukuran prestasi. Panduan berkaitan dengan aplikasi dan pendekatan VBI akan dirumuskan untuk membantu bank–bank Islam menangani cabaran pelaksanaan yang berkaitan dengan model perniagaan dan tahap kemajuan operasi setiap bank Islam. Di samping itu, kad skor akan diperkenalkan untuk mengukur prestasi kewangan dan bukan kewangan bank-bank Islam dalam usaha mereka menerapkan VBI. Langkah ini dijangka mengubah portfolio pembiayaan bank-bank Islam, dengan sekurang-kurangnya separuh daripada pembiayaan perniagaan dan pembiayaan peribadi baharu disalurkan untuk tujuan yang selaras dengan VBI menjelang tahun 2020. Pada masa hadapan, matlamat selanjutnya akan ditetapkan apabila kad skor dilaksanakan.

Walaupun pelaksanaan VBI masih pada peringkat awal, namun terdapat contoh kukuh bahawa VBI sedang dilaksanakan. Contohnya, dana yang diperoleh melalui akaun pelaburan telah disalurkan untuk pelbagai tujuan. Ini termasuk menyediakan modal risiko kepada usahawan seperti PKS. Pada tahun 2017, usaha tertumpu ke arah penyelarasan dan pengukuhan amalan industri untuk memastikan akaun pelaburan benar-benar berfungsi sebagai instrumen ‘modal risiko’. Bank telah mengeluarkan panduan pengawalseliaan berkaitan dengan cara pengendalian pelaporan perakaunan bagi akaun pelaburan terhad. Ini bagi memastikan aliran tunai diuruskan dalam cara yang membolehkan akaun berkenaan dilaporkan di luar kunci kira-kira. Tumpuan juga diberikan pada ketelusan penzahiran produk, peningkatan kecekapan pekerja barisan hadapan yang mengendalikan pemasaran akaun pelaburan dan memastikan terdapat penilaian kesesuaian dengan pelanggan yang berkesan.


Platform Akaun Pelaburan (Investment Account Platform, IAP) — yang mula beroperasi pada tahun 2016 — secara beransur-ansur muncul sebagai infrastruktur penggerak yang penting untuk menggembleng dan menyalurkan akaun pelaburan kepada pembiayaan usaha niaga keusahawanan. Pada tahun 2017, dana yang diperoleh melalui

penyenaraian IAP meningkat empat kali kepada RM95.3 juta (2016: RM20.0 juta) daripada empat usaha niaga. Bagi membolehkan pelabur baharu menjalankan urusan dengan lebih mudah, lancar dan cekap, industri mula merumuskan satu rangka kerja pelbagai hala untuk pelanggan baharu. Di bawah rangka kerja ini, bank-bank yang menganggotai IAP akan saling menerima amalan usaha wajar pelanggan masing-masing. Ini seterusnya memudahkan pelanggan kerana tidak perlu berkunjung ke cawangan bank yang menawarkan IAP untuk membuka akaun bank baharu. Rangka kerja ini dijangka dimuktamadkan dan beroperasi menjelang separuh pertama tahun 2018.

Satu lagi contoh kukuh yang berkaitan dengan pelaksanaan VBI ialah pemerkasaan masyarakat tempatan, baik masyarakat Islam mahupun bukan Islam, yang dilihat melalui penglibatan bank-bank Islam yang lebih giat dalam bidang kewangan sosial. Pada bulan September 2017, enam buah bank Islam telah menandatangani perjanjian kerjasama untuk menubuhkan dana wakaf tunai bersama-sama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Di bawah inisiatif ini, bank-bank Islam yang mengambil bahagian akan berganding bahu dengan MAIN di 10 buah negeri untuk memodenkan operasi pengutipan wakaf tunai melalui pusat kutipan, serta perkhidmatan perbankan internet dan mudah alih masing-masing. Dana yang dikumpulkan akan dilaburkan dalam instrumen berlandaskan Syariah. Pulangan daripada pelaburan ini seterusnya akan disalurkan untuk membiayai projek-projek yang menggalakkan pemerkasaan ekonomi, pendidikan dan kesihatan (Gambar Rajah 4.2). Sebagai sebahagian daripada perjanjian ini, bank-bank Islam juga komited untuk membangunkan pengetahuan dan kepakaran dalam pengurusan pelaburan dan pengagihan dana wakaf. Sebagai sebahagian daripada

Gambar Rajah 4.2

Dana Wakaf Tunai



Sumber: Bank Negara Malaysia

komitmen ini, Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia akan membangunkan Tatacara Tadbir Urus dan Ketelusan bagi pengurusan dana wakaf pada tahun 2018. Langkah ini bertujuan untuk menetapkan piawaian penanda aras bagi amalan industri.

Memperkukuh keupayaan institusi subsidiari perbankan Islam


Subsidiari perbankan Islam memainkan peranan penting dalam sektor perbankan Islam. Sebanyak 11 subsidiari menyumbangkan 65.7% kepada aset industri, dan sebagai ahli kumpulan kewangan yang besar, boleh memanfaatkan fungsi perkhidmatan kongsian kumpulan mereka seperti rangkaian cawangan, platform teknologi dan sumber manusia. Fleksibiliti ini membantu mempercepat pertumbuhan kewangan Islam dengan membolehkan penggunaan sumber secara berkesan dan menyediakan akses lebih luas kepada perkhidmatan perbankan untuk pelanggan.

Walau bagaimanapun, subsidiari perbankan Islam masih bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan fleksibiliti operasi ini tidak akan menjejaskan pematuhan terhadap prinsip-prinsip Syariah dalam amalan perniagaan dan penawaran produk. Suatu perkembangan yang agak membimbangkan ialah amalan perkongsian sumber yang semata-mata didorong pertimbangan kecekapan operasi dan kos, seterusnya menyebabkan kurangnya pelaburan untuk meningkatkan keupayaan dalaman subsidiari perbankan Islam. Akibatnya, insiden yang membabitkan ketidakpatuhan Syariah dan salah jual produk kewangan Islam terus meningkat.

Bagi menjana hasil yang lebih optimum daripada pengurusan perkongsian sumber, Bank telah berbincang dengan pengurusan kanan subsidiari perbankan Islam dan kumpulan kewangan masing-masing pada tahun 2017. Perbincangan tersebut bertujuan mendapatkan komitmen daripada pihak industri untuk mengambil

Gambar Rajah 4.3

Komitmen untuk Meningkatkan Amalan Perkongsian Sumber Subsidiari Perbankan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

tindakan khusus untuk menambah baik amalan semasa (Gambar Rajah 4.3). Ini termasuk komitmen untuk menyokong strategi khusus perniagaan perbankan Islam dan meningkatkan pelaburan bagi pengembangan keupayaan subsidiari perbankan Islam. Industri ini dijangka menunjukkan komitmen ini dalam pelan perniagaan tahunan dan perjanjian perkhidmatan peringkat kumpulan mulai tahun 2018.

TAKAFUL

Prestasi sektor takaful

Permintaan dalam negeri yang mampan untuk perlindungan berlandaskan Syariah terus menyokong pertumbuhan takaful pada tahun 2017. Sumbangan bersih daripada gabungan perniagaan takaful keluarga dan takaful am meningkat 9.5% kepada RM8.3 bilion (2016: 10.5%), manakala bahagian pasaran industri takaful, dari segi premium dan sumbangan bersih, meningkat kepada 15.2% (2016: 14.6%).

Dalam takaful keluarga, perniagaan baharu berkembang 10.0% (2016: 8.6%), yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh produk gadai janji bertempoh, produk berkaitan pelaburan dan produk perubatan yang secara bersama mencakupi 76.1% daripada jumlah perniagaan baharu. Sejumlah produk takaful keluarga baharu dan berinovatif telah dilancarkan pada tahun 2017. Ini termasuk tiga produk takaful di bawah Perlindungan Tenang (rujuk rencana bertajuk 'Memperluas Penyelesaian Insurans dan Takaful untuk Segmen yang Kurang Mendapat Perkhidmatan Insurans dan Takaful) yang mampu dibeli dan direka bentuk untuk menjadikan proses jualan dan tuntutan lebih mudah. Dalam sektor takaful am, perniagaannya berkembang 6.4% (2016: 4.7%), dengan segmen motor, kebakaran dan kemalangan diri mencakupi 91.3% daripada jumlah sumbangan kasar.

Kedudukan modal pengendali takaful dan pengendali takaful semula terus kukuh, dengan nisbah kecukupan modal agregat pada 209.4% (2016: 205.3%) dan penampan modal sebanyak RM4.0 bilion. Risiko takaful sebahagian besarnya tidak berubah. Ini adalah hasil daripada keadaan perniagaan yang stabil dan paras rizab yang tinggi untuk memenuhi liabiliti takaful. Jumlah aset dana takaful meningkat 9.4% (2016: 8.4%) kepada RM29.3 bilion, dengan sukuk korporat, wang tunai dan deposit mencakupi 69.1% daripada jumlah aset dana takaful. Pada tahun 2017, tahap keuntungan sektor takaful menunjukkan prestasi yang bercampur-campur. Takaful keluarga mencatat keuntungan lebih tinggi sebanyak RM2.6 bilion atau pertumbuhan 27.2% berbanding tahun 2016 (RM2.0 bilion). Keuntungan ini didorong terutamanya oleh hasil pelaburan yang lebih baik. Sektor takaful am, bagaimanapun, mencatat keuntungan yang lebih rendah sebanyak RM0.3 bilion, menurun 28.3% berbanding tahun sebelumnya (RM0.4 bilion), disebabkan oleh perbelanjaan pengurusan dan pembayaran tuntutan yang lebih tinggi.

Pembangunan sektor takaful

Membangunkan ekosistem yang kondusif untuk inovasi dan pertumbuhan

Tumpuan utama pembangunan sektor takaful pada tahun 2017 adalah untuk menjadikan produk dan perkhidmatan takaful memenuhi keperluan perlindungan sektor perniagaan dengan lebih baik. Sebagai menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi hab halal global, Bank akan menerbitkan draf dedahan (exposure draft) yang menggariskan rangka kerja pengawalseliaan yang jelas serta memudahkan penawaran takaful kredit perdagangan pada separuh pertama tahun 2018. Langkah ini bertujuan merebut peluang daripada pasaran halal yang besar dan pesat berkembang, yang nilainya dianggarkan sebanyak USD2.0 trilion pada tahun 2016[1]. Takaful kredit perdagangan yang merupakan produk berlandaskan Syariah yang melengkapi insurans kredit perdagangan, boleh membantu melindungi perniagaan daripada risiko akibat mungkir dalam perdagangan antarabangsa, lantas memberi peluang kepada mereka mengembangkan lagi perniagaan eksport masing-masing. Bank-bank Islam juga boleh menggunakan produk ini sebagai alat untuk mengurangkan risiko kredit selain meningkatkan keupayaan pembiayaan perdagangan.

Sebagai sebahagian daripada usaha mempercepat proses tuntutan manfaat kematian, Bank, dengan kerjasama Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association, MTA), telah mendapatkan persetujuan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk membangunkan mekanisme berautomasi yang membolehkan pengendali takaful menyemak status pemilik polisi dalam senarai pendaftaran kematian negara secara berkala. Dengan memanfaatkan infrastruktur yang disediakan oleh JPN, keperluan untuk dokumentasi dan prosedur pengesahan

[1] Sumber: State of Global Islamic Economy 2017-2018 Report, Thomson Reuters.

tuntutan juga akan dipermudah sekali gus mempercepat bayaran manfaat kematian. Inisiatif ini dijangka dilaksanakan pada tahun 2018.

Tuntutan manfaat kematian akan menjadi lebih mudah dan cepat dengan adanya mekanisme berautomasi baharu

Dalam bidang takaful semula, usaha ditumpukan pada penubuhan dana takaful semula peringkat industri yang bertujuan meningkatkan keupayaan pengunderaitan industri takaful am dan mengurangkan pergantungan pada insurans semula konvensional untuk menyokong sektor takaful. Inisiatif yang diterajui MTA ini membolehkan pengendali takaful dan pengendali takaful semula untuk menggabungkan keupayaan mereka untuk mengunderait risiko yang lebih besar dan lebih kompleks yang melangkaui kesanggupan mengambil risiko pengendali takaful secara individu (Gambar Rajah 4.4). Keupayaan pengunderaitan yang lebih besar ini dijangka mengurangkan bahagian sumbangan kasar takaful am yang tersid (ceded) kepada pasaran insurans semula konvensional, yang kini sebanyak 9.2% (RM236.2 juta).

Pindaan terhadap Akta Cukai Pendapatan 1967 telah dibuat pada tahun 2017 untuk membenarkan potongan perbelanjaan yang ditanggung untuk pengurusan dana takaful keluarga. Pindaan tersebut memperakui ciri-ciri unik yang ada pada model perniagaan takaful dan memperuntukkan pariti pengawalseliaan dalam olahan percukaian antara industri takaful dengan industri insurans.

RANGKA KERJA PENGAWALAN DAN PENYELIAAN


Pada tahun 2017, keutamaan pengawalseliaan Bank dalam bidang kewangan Islam terus tertumpu pada langkah-langkah menggalakkan pematuhan Syariah secara menyeluruh dan menggalakkan tahap inovasi produk yang lebih luas untuk memenuhi keperluan ekonomi dan masyarakat.

Memastikan pematuhan Syariah menyeluruh menerusi piawaian Syariah

Sejak tahun 2013, Bank bekerjasama rapat dengan Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4.4

Mekanisme untuk Kumpulan Takaful Semula



Nota: Bilangan pengendali takaful dan pengendali takaful semula yang mengambil bahagian adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja

Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam pengeluaran siri Piawaian Syariah dan Keperluan Operasi secara berperingkat-peringkat. Piawaian Syariah ini bertujuan mengukuhkan prinsip Syariah di samping memastikan tadbir urus yang konsisten dan berkesan dalam penggunaan pelbagai kontrak Syariah. Pada tahun 2017, piawaian untuk *wa`d* (janji) dan *kafalah* (jaminan) dimuktamadkan menjadikan jumlah piawaian yang diterbitkan setakat ini sebanyak 12. Selain itu, draf dedahan bagi dua piawaian baharu, iaitu *rahn* (cagaran) dan *bai` al-sarf* (pertukaran wang), juga diterbitkan untuk rundingan pihak industri, dengan sasaran piawaian tersebut dapat dimuktamadkan pada tahun 2018 (Jadual 4.1 menggariskan ciri-ciri penting keempat-empat piawaian ini). Penyempurnaan siri piawaian ini bukan sahaja akan meningkatkan pematuhan dan tadbir urus Syariah, malah meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap urus niaga kewangan Islam dan menggalakkan penawaran pelbagai rangkaian produk untuk memenuhi keperluan pelanggan yang berbeza.

Bagi menggalakkan aktiviti inovasi yang lebih luas dalam penawaran produk takaful, Bank telah mengkaji semula Rangka Kerja Operasi Takaful. Kajian semula ini bertujuan memperjelas cara kendalian kontrak Syariah, iaitu *wakalah* (agensi), *mudarabah* (perkongsian keuntungan), *qard* (pinjaman tanpa faedah), *hibah* (pemberian hadiah) dan *tabarru`* (derma) dalam konteks perniagaan takaful. Ini termasuk menyediakan panduan tambahan bagi ciri-ciri produk yang berbeza berdasarkan kontrak. Sebagai contoh, semakan yang dicadangkan akan merangkumi penetapan perbezaan yang jelas antara dana takaful yang ditubuhkan untuk tujuan simpanan dan pelaburan bagi mencerminkan kontrak yang diterima pakai bagi setiap dana. Kajian semula ini juga akan memperjelas jangkaan terhadap tanggungjawab khusus pengendali takaful di bawah kontrak-kontrak tersebut dan bagaimana mereka perlu diberikan ganjaran. Pemahaman yang lebih mendalam berikutan semakan yang dibuat ini dijangka menjadi pemangkin pembangunan produk yang seterusnya boleh memenuhi keperluan perlindungan pelbagai kumpulan pengguna dengan lebih baik. Kawalan dalaman terhadap pembentukan dana kecil (sub-funds) juga akan diperkukuh bagi memastikan kemapanannya di samping memelihara kepentingan peserta takaful. Semakan yang dicadangkan ini akan dikeluarkan untuk perbincangan oleh pihak industri pada awal tahun 2018.

Memperkukuh impak tadbir urus Syariah

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang diterbitkan buat kali pertamanya pada tahun 2010 menggariskan keperluan untuk memastikan institusi kewangan Islam ditadbir urus berlandaskan prinsip Syariah pada setiap masa. Bagi memperkukuh keberkesanan perniagaan kewangan Islam yang semakin meningkat dari segi saiz, sifat dan kecanggihannya, beberapa penambahbaikan terhadap rangka kerja ini telah dicadangkan dalam draf dedahan yang dikeluarkan pada bulan November 2017. Draf dedahan ini menggalakkan amalan tadbir urus Syariah yang lebih bersepadu dalam proses perniagaan dan pengurusan risiko institusi kewangan Islam. Antara lain, ia memperluas tanggungjawab lembaga pengarah untuk merangkumi perkara berkaitan dengan tadbir urus Syariah dan pada masa sama memperkukuh

Jadual 4.1

Piawaian Syariah yang Diterbitkan pada tahun 2017

Kontrak Syariah	*Kafalah* (Jaminan)	*Wa`d* (Janji)	*Rahn* (Cagaran)	*Bai` al-Sarf* (Pertukaran mata wang)
Pelaksanaan	Jaminan, surat kredit tunggu sedia dan bentuk jaminan lain	Semua jenis pembiayaan dan derivatif	Pajak gadai dan pembiayaan bercagar	Deposit, pembiayaan atau pelaburan mata wang asing, kiriman wang dan biro pertukaran wang
Elemen Penting	Memastikan pembezaan yang jelas antara hak dan tanggungjawab penjamin dan benefisiari	Menentukan elemen *wa`d* yang mengikat dan menggariskan hak dan tanggungjawab pihak janji dan penerima janji	Mentakrifkan penggunaan cagaran yang diterima dan caj yang dibenarkan	Menjelaskan pendekatan untuk penyelesaian secara lani dan kadar pertukaran bagi pertukaran mata wang

Sumber: Bank Negara Malaysia

tahap kebebasan jawatankuasa Syariah dalam menjalankan peranannya sebagai penasihat dan pihak yang membuat keputusan. Draf dedahan ini juga mencadangkan supaya setiap jawatankuasa Syariah perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengamal industri sebagai ahli untuk membolehkan dimensi praktikal dan komersial berkenaan isu-isu berkaitan dengan Syariah dikupas dan dibincangkan dengan lebih terperinci. Secara bersama, kesemua cadangan ini bertujuan meningkatkan peranan jawatankuasa Syariah untuk memberikan nasihat dari segi Syariah yang mantap dan berteraskan inovasi kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Dokumen dasar yang telah dimuktamadkan dijangka dikeluarkan pada tahun 2018.

Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang dikaji semula bertujuan memastikan integrasi tadbir urus Syariah yang berkesan dalam proses pengurusan perniagaan dan risiko institusi kewangan Islam

PEMBANGUNAN BAKAT

Bank-bank Islam dan pengendali takaful mempunyai seramai 21,398 orang pekerja (2016: 21,601) atau 13.0% daripada jumlah pekerja sektor perbankan, insurans dan takaful pada tahun 2017 (2016: 13.1%). Pada tahun 2017, sektor ini mengambil seramai 4,562 pekerja baharu (2016: 3,605) dan mewujudkan 787 jawatan baharu (2016: 878). Menyedari betapa pentingnya bakat, Bank dan industri terus memacu pelbagai inisiatif pembangunan modal insan untuk meningkatkan kualiti bakat dalam industri kewangan Islam.

Landskap pembangunan bakat kewangan Islam di Malaysia menawarkan rangkaian penyelesaian yang pelbagai dan komprehensif. Ini meliputi bidang pendidikan tinggi, penyelidikan, latihan dan khidmat rundingan yang diiktiraf pada peringkat dunia. Bagi memenuhi permintaan global terhadap bakat kewangan Islam pada masa sekarang dan akan datang, usaha terus dipertingkatkan untuk mengukuhkan ekosistem pembangunan bakat di Malaysia yang dipacu terutamanya oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (International Shariah Research Academy, ISRA), IBFIM[2], Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (Chartered Institute of Islamic Finance Professionals, CIIF) dan Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (Association of Shariah Advisors in Islamic Finance Malaysia, ASAS). Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, institusi-institusi ini telah menyumbang kepada pertambahan kumpulan profesional kewangan Islam dan kepakaran menerusi pelbagai program dan inisiatif (Gambar Rajah 4.5).

Susulan usaha Jawatankuasa Pemandu Transformasi Landskap Pendidikan Kewangan Islam (pasukan petugas yang diterajui industri dan ditubuhkan pada bulan November 2016 yang ahlinya terdiri daripada pengurusan kanan dan ahli lembaga pengarah institusi kewangan serta ahli akademik), Bank memperkenalkan beberapa pembaharuan yang berasaskan dua teras utama untuk memenuhi keperluan bakat industri.

Teras pertama ialah meningkatkan kualiti pembangunan bakat yang ditawarkan, bukan sahaja untuk meningkatkan kepakaran teknikal bahkan memastikan ia terus relevan dengan industri yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi. Ini bertujuan menyokong pembangunan kumpulan bakat yang berkaliber tinggi untuk memacu dan mengekalkan pertumbuhan dan pembangunan industri pada masa akan datang. Sejajar dengan hasrat ini, INCEIF merintis pendekatan pembelajaran berasaskan tindakan (action-based learning, ABL) dalam modulnya pada tahun 2017. Ini merupakan langkah permulaan sebelum ia diterapkan sepenuhnya ke dalam program Sarjana Sains dalam Kewangan Islam pada bulan Januari 2018. Melalui pendekatan ABL, kajian kes dan simulasi akan digunakan dengan lebih meluas di dalam kelas. Pelajar juga akan diberikan projek dan tugasan lapangan dengan rakan organisasi yang membolehkan mereka menangani isu dan cabaran dunia sebenar. Melalui cara ini pelajar boleh mendapatkan pengetahuan gunaan dan kemahiran praktikal yang lebih tinggi, seperti pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kemahiran berkomunikasi yang berkesan. Sehingga kini, INCEIF telah mendapatkan komitmen 22 institusi komersial, institusi bukan berasaskan untung dan sektor awam sebagai rakan organisasi ABL.

Selain isi kandungan yang relevan dengan industri, usaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme dalam industri juga penting. Bagi memenuhi keperluan pembangunan kumpulan profesional pengamal Syariah, ASAS memperkenalkan

[2] Sebelum ini IBFIM dikenali sebagai Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia.

Gambar Rajah 4.5

Sumbangan Institusi Pembangunan Bakat Kewangan Islam

Ditubuhkan pada 2006

INCEIF

Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa

IMPAK KEPADA INDUSTRI

- **Bekalan bakat kewangan Islam yang berterusan**
  - *1,585 graduan dari 72 negara*
- **Penyumbang utama dalam penyelidikan kewangan Islam**
  - *400 kertas penyelidikan dan penerbitan (lebih daripada 50% disenaraikan dalam Scopus/SCI[1])*
- **Kurikulum yang relevan kepada industri**
  - *Memperkenalkan pembelajaran berasaskan tindakan untuk mendedahkan pelajar kepada pengamal industri terkemuka*

KEPEMIMPINAN PEMIKIRAN

- **Penyertaan meluas ahli fakulti dalam industri**
  - *75% daripada ahli fakulti terdiri daripada ahli pelbagai lembaga pengarah dan penasihat Syariah*
- **Pusat rujukan bagi universiti lain**
  - *Daripada 49 buku teks yang dihasilkan, tujuh diguna pakai oleh 23 universiti*

REPUTASI

- **Pengiktirafan kecemerlangan akademik pada peringkat domestik dan global**
  - *Tempat ke-46 terbaik dalam Asia dalam carta RePEc[2]*
  - *Penarafan lima bintang (cemerlang) dalam kategori Universiti Memuncul oleh SETARA[3]*

Ditubuhkan pada 2008

ISRA

Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa

IMPAK KEPADA INDUSTRI

- **Penyumbang utama dalam penyelidikan kewangan Islam**
  - *Menghasilkan lebih 200 projek penyelidikan manakala lebih 90 kertas penyelidikan telah diterbitkan*
- **Repositori global bidang ilmu Syariah**
  - *Lebih 2,000 fatwa dan 500 artikel dalam portal i-Fikr*
- **Hubungan rapat antara industri dan akademia**
  - *Memacu isi kandungan untuk Manual Tenaga Pengajar mengenai Piawaian Syariah yang diterbitkan oleh Bank*

KEPEMIMPINAN PEMIKIRAN

- **Hasil penyelidikan yang meluas**
  - *Dibentangkan di lebih 300 persidangan di seluruh dunia*
- **Rujukan bagi universiti lain**
  - *Buku teks ISRA digunakan oleh lebih 70 universiti*
- **Pengharmonian piawaian Syariah pada peringkat global**
  - *Penyelidikan bersama dengan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI) untuk menyeragamkan piawaian Syariah di peringkat global*

REPUTASI

- **Pengiktirafan global bagi sumbangan intelek**
  - *Pemenang Anugerah Ekonomi Islam dalam kategori Infrastruktur Pengetahuan Ekonomi Islam (Islamic Economic Knowledge Infrastructure)*

Ditubuhkan pada 2001

IBFIM

Institut latihan kewangan Islam diterajui industri

IMPAK KEPADA INDUSTRI

- **Meningkatkan kemahiran warga kerja dalam kewangan Islam**
  - *Melatih lebih daripada 100,000 peserta*
  - *Menganjur lebih daripada 1,700 program latihan, aktiviti dan seminar*
- **Hubungan rapat antara industri dan akademia**
  - *Kolaborasi akademik dengan 27 universiti dan kolej*
- **Penerbitan aktif**
  - *96 penerbitan IBFIM*

Ditubuhkan pada 2011

Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia

IMPAK KEPADA INDUSTRI

- **Meningkatkan profesionalisme penasihat Syariah**
  - *Lebih daripada 300 ahli*
- **Kelayakan profesional untuk kakitangan Syariah**
  - *Penasihat Syariah Bertauliah (Certified Shariah Advisor, CSA) dan Pengamal Syariah Bertauliah (Certified Shariah Practitioner, CSP)*
- **Pembangunan profesional yang berterusan**
  - *Menganjur lebih 20 program latihan, aktiviti dan persidangan*

Ditubuhkan pada 2015

Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam

IMPAK KEPADA INDUSTRI

- **Meningkatkan profesionalisme pengamal kewangan Islam**
  - *Lebih daripada 800 ahli*
- **Kelayakan profesional untuk kewangan Islam**
  - *Ahli Profesional Berkanun dalam Kewangan Islam (Chartered Professional in Islamic Finance, CPIF) akan dilancarkan pada tahun 2018*

[1] Scopus ialah pangkalan data abstrak dan sumber petikan terbesar bagi penulisan dengan penelitian rakan sejawatan manakala SCI (Science Citation Index) ialah indeks petikan yang dihasilkan oleh Institut untuk Maklumat Saintifik. Jurnal yang diindeks dianggap sebagai memenuhi kualiti saintifik yang lebih tinggi berbanding dengan jurnal yang tidak diindeks

[2] RePEc ialah pusat indeks penyelidikan ekonomi, termasuk kertas kerja dan artikel jurnal

[3] Penarafan Malaysia untuk Kecemerlangan Universiti dan Kolej Universiti oleh Kementerian Pendidikan Tinggi

Sumber: Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF), Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (ISRA), IBFIM, Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS) dan Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (CIIF)

kelayakan Penasihat Syariah Bertauliah (Certified Shariah Advisor, CSA) dan Pengamal Syariah Bertauliah (Certified Shariah Practitioner, CSP) pada bulan November 2017. Ini merupakan kelayakan profesional komprehensif yang pertama dibangunkan untuk pengamal profesional Syariah industri kewangan Islam. CSA disasarkan pada pengamal yang mempunyai ijazah muda Syariah, manakala CSP pula untuk pengamal Syariah yang tiada kelayakan formal dalam bidang Syariah. Pada masa hadapan, kelayakan ini akan dijadikan prasyarat bagi ahli jawatankuasa Syariah dan kakitangan Syariah yang utama di institusi kewangan Islam, termasuk institusi kewangan konvensional yang mempunyai jendela Islam.


Bagi bukan pengamal Syariah, kelayakan Ahli Profesional Bertauliah dalam Kewangan Islam (Chartered Professional in Islamic Finance, CPIF) oleh CIIF diperkenalkan pada bulan Disember 2017 untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan etika dalam industri kewangan Islam. CPIF menawarkan dua bidang kepakaran, iaitu perbankan Islam dan takaful, yang berlandaskan modul asas yang sama. Pendaftaran dijangka bermula pada separuh pertama tahun 2018 (Gambar Rajah 4.6).

CSA, CSP dan CPIF akan meningkatkan tahap profesionalisme industri kewangan Islam

Teras kedua pembaharuan bakat yang dilaksanakan oleh Bank adalah meningkatkan penyelarasan dan kerjasama antara lima buah institusi bakat. Ini bagi memastikan pendekatan yang bersepadu dan optimum digunakan dalam pembangunan bakat untuk memenuhi keperluan industri semasa dan juga akan datang. Jawatankuasa Penyelarasan Strategik (Strategic Coordination Committee, SCC), yang dianggotai wakil daripada Bank dan ketua lima entiti tersebut, ditubuhkan untuk merumuskan strategi bagi meningkatkan kualiti dan rangkaian penawaran bakat yang sedia ada untuk memenuhi keperluan

Gambar Rajah 4.6

Kelayakan Profesional Kewangan Islam



Sumber: Persatuan Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam Malaysia (ASAS) dan Institut Profesional Kewangan Islam Berpiagam (CIIF)

sektor kewangan Islam. Jawatankuasa ini akan menangani kekurangan dan pertindihan dari segi penawaran di samping memaksimumkan sinergi operasi dan kewangan dalam semua entiti. Bidang kebitaraan (niche areas) setiap institusi akan dikenal pasti untuk memanfaatkan dan mempertingkatkan kekuatan tersendiri setiap institusi.

Selain penambahbaikan yang khusus bagi setiap institusi bakat, beberapa inisiatif lain turut dilaksanakan pada tahun 2017 untuk meningkatkan kumpulan bakat yang ditawarkan. Pada peringkat lembaga pengarah, program latihan kewangan Islam yang khusus untuk pengarah institusi kewangan akan dilancarkan pada separuh pertama tahun 2018. Berlandaskan asas-asas tadbir urus yang ditetapkan dalam program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, program baharu ini bertujuan melengkapkan para pengarah dengan pemahaman dan pengetahuan mengenai tawaran nilai kewangan Islam dengan memasukkan perspektif praktikal bagi tadbir urus Syariah, peluang-peluang perniagaan dalam kewangan Islam dan risiko yang berkaitan dengan urus niaga kewangan Islam ke dalam program ini.

Bank juga terus memberikan tumpuan pada penerapan piawaian Syariah ke dalam kurikulum pendidikan kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, Manual Tenaga Pengajar terus dirangka oleh Bank untuk dua lagi kontrak Syariah, iaitu *musyarakah* (perkongsian untung dan rugi) dan *tawarruq* (pembelian aset secara tertangguh dengan penjualan seterusnya kepada pihak ketiga secara tunai), sebagai tambahan kepada manual pertama yang berkaitan dengan *murabahah* (kos tambah keuntungan) yang dikeluarkan pada tahun 2016. Manual-manual ini dijangka diterbitkan pada separuh pertama tahun 2018. Manual bersiri ini bertujuan mendedahkan penuntut pusat pengajian tinggi kepada pengendalian kontrak Syariah secara praktikal dengan menghuraikan asas-asas teori yang ditetapkan dalam kurikulum teras semasa. Sebanyak dua buah universiti telah pun menerapkan Manual Tenaga Pengajar ini ke dalam kandungan pengajian akademik mereka. Sebagai langkah seterusnya, program Melatih Tenaga Pengajar akan dijalankan oleh IBFIM untuk melengkapkan fakulti dengan asas-asas yang diperlukan semasa menyampaikan isi kandungan kepada penuntut. Bank juga sedang berusaha memperluas penggunaan manual-manual ini oleh lebih banyak universiti di dalam dan luar negeri.

SALING HUBUNGAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Malaysia kekal sebagai hab global utama bagi kewangan Islam pada tahun 2017. Malaysia merupakan pusat pasaran kewangan Islam yang ketiga terbesar di dunia dari segi aset, selain menjadi pasaran sukuk terbesar yang mencakupi bahagian sebanyak 51.0% daripada sukuk terkumpul global, yang berjumlah USD202.2 bilion. Dari segi inovasi produk, pencapaian penting pasaran sukuk Malaysia pada tahun 2017 ialah terbitan dua sukuk hijau bernilai RM1.25 bilion buat julung kalinya di dunia untuk membiayai projek tenaga solar. Sukuk hijau ini diterbitkan di bawah Rangka Kerja Sukuk Pelaburan yang Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable Responsible Investment Sukuk Framework). Penerbitan sukuk ini hasil kerjasama Bank dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Dunia untuk menyediakan ekosistem pemerolehan dana yang mudah bagi memenuhi keperluan projek hijau dan projek mampan yang lain. Malaysia menduduki tempat pertama dalam Islamic Finance Development Indicator oleh Thomson Reuters dan Islamic Corporation for the Development of the Private Sector (ahli Kumpulan Bank Pembangunan Islam) dalam laporan Islamic Finance Development Report 2017. Ini merupakan pengiktirafan terhadap pencapaian Malaysia dalam pembangunan infrastruktur pasaran yang berkesan, peserta yang pelbagai, penawaran bakat kewangan Islam yang serba boleh serta rangka kerja undang-undang, pengawalseliaan dan Syariah yang kondusif bagi pertumbuhan dan pembangunan sektor.

Pada peringkat global, Bank meneruskan sokongan aktifnya terhadap pembangunan kewangan Islam, khususnya dalam bidang Syariah. Menerusi MPS, Bank menyokong usaha menggalakkan penyeragaman dan saling sedia menerima pendapat Syariah yang dikemukakan di seluruh sistem kewangan Islam. MPS, yang menyambut ulang tahunnya yang ke-20 pada tahun 2017, telah memainkan peranan penting dalam pembangunan kewangan Islam di Malaysia (Gambar Rajah 4.7). MPS telah mengeluarkan sejumlah keputusan Syariah yang bukan sahaja memupuk keyakinan pelanggan dan pasaran, tetapi juga menjadi pemangkin beberapa inovasi yang dicetuskan oleh industri. Sebagai contoh, pengesahan MPS terhadap aplikasi kontrak *al-ijarah thumma al-bai`* (sewaan disusuli dengan jual beli) telah membolehkan lebih 15 institusi perbankan Islam menawarkan pembiayaan kenderaan yang lebih kompetitif. Satu lagi contoh ialah keputusan MPS berkaitan dengan pelaksanaan caj bayaran lewat (late payment charges) oleh bank-bank

Gambar Rajah 4.7

Sumbangan dan Keputusan Utama MPS untuk Membangunkan Industri Kewangan Islam



Sumber: Bank Negara Malaysia

Islam menggunakan *gharamah* (penalti) dan *ta`widh* (ganti rugi) yang memberikan peluang sama rata kepada institusi kewangan Islam untuk beroperasi seiring dengan institusi kewangan konvensional. Pada tahun 2017, dua penerbitan dilancarkan bersempena dengan ulang tahun MPS, iaitu kompilasi resolusi MPS dari tahun 2011 hingga 2017 serta kompilasi 12 piawaian Syariah yang diterbitkan oleh Bank. Selain itu, pada bulan Januari 2018, Bank memperkenalkan laman sesawang MPS yang baharu (www.sacbnm.org), yang menyediakan akses yang mudah kepada semua keputusan MPS dan rangka kerja tadbir urus Syariah dalam kewangan Islam. Laman sesawang ini merupakan repositori utama bagi keputusan *fiqh* (jurisprudens Islam) yang terperinci dan asas pertimbangan yang menjadi asas keputusan MPS. Ini termasuk keputusan yang dibuat semasa merumuskan 12 piawaian Syariah yang diterbitkan oleh Bank setakat ini. Usaha juga sedang dijalankan untuk menyediakan terbitan ini dalam bentuk digital dan naskhah bercetak dalam beberapa bahasa utama, termasuk bahasa Inggeris dan Arab.

Dalam bidang takaful, Bank menganjurkan perbincangan meja bulat dalam suatu acara berasingan semasa Persidangan Tahunan Persatuan Penyelia Insurans Antarabangsa ke-24 yang diadakan di Kuala Lumpur. Bank berkongsi pengalamannya membangunkan sektor takaful yang progresif, termasuk pembangunan rangka kerja tadbir urus Syariah yang komprehensif dan berwibawa. Para peserta persidangan ini menyuarakan minat yang mendalam untuk memahami ciri-ciri persamaan dan perbezaan takaful dan insurans (khususnya, insurans bersama), dan kelebihan mempunyai pengendali takaful yang serba lengkap berbanding dengan syarikat insurans yang mempunyai jendela takaful.

Selain pengawal selia, sektor swasta juga memainkan peranan penting untuk memperluas sempadan kewangan Islam pada peringkat global. Kini, terdapat lebih 100 buah syarikat perkhidmatan sokongan profesional menawarkan pelbagai perkhidmatan termasuk dalam bidang Syariah, undang-undang, perakaunan, cukai dan latihan di Malaysia. Memandangkan pengalaman mereka yang mendalam dan meluas dalam pembangunan sektor kewangan Islam di Malaysia, syarikat-syarikat ini berada pada kedudukan yang cukup baik untuk memenuhi keperluan dan minat negara-negara lain yang semakin tinggi untuk menerokai bidang kewangan Islam. Antara sumbangan utama syarikat-syarikat ini ialah merintis jalan kepada pembentukan piawaian berlandaskan Syariah yang pertama di dunia untuk dagangan emas, yang dicapai melalui kerjasama dengan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, AAOIFI).